

# Kanak-kanak aset negara perlu diberi perlindungan

**D**i Malaysia, remaja merangkumi lebih separuh keseluruhan penduduk. Berikut itu, masalah berkaitan kelompok ini juga banyak. Baru-baru ini, negara digemparkan dengan statistik Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mencatatkan peningkatan kes juvana.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, juga ada mengeluarkan kenyataan bahawa beliau melihat kes jenayah membabitkan juvana dalam negara bertambah daripada tahun ke tahun, dan beliau melihatnya semakin membimbangkan.

Antara sebab peningkatan statistik ini adalah kerana pengaruh kuat daripada rakan sebaya, pendedahan terhadap aktiviti jenayah melalui media massa seperti internet serta kegagalan pihak berwajib terutama ibu bapa untuk melindungi mereka.

Kewujudan undang-undang yang memperuntukkan perlindungan terhadap golongan bawah umur bukan perkara baharu. Sejarah menunjukkan beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat dan negara di Eropah telah mempunyai undang-undang dan perkhidmatan kebajikan terhadap golongan bawah umur terutama kanak-kanak bagi melindungi golongan terbabit.

## Masa depan semakin terancam

Menyedari hakikat masa depan golongan itu semakin terancam, sama ada oleh perbuatan individu atau perbuatan mereka sendiri atau kegagalan pihak bertanggungjawab mengambil langkah positif memastikan kesejahteraan dan keselamatan mereka, maka satu inisiatif positif digerakkan masyarakat antarabangsa lebih 20 tahun dulu untuk meletakkan kepentingan golongan itu di landasan yang sepatutnya.

Inisiatif ini dilihat dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak pada tahun 1989 yang diratifikasikan hampir semua negara di dunia. Malaysia adalah antara negara menandatangani dan meratifikasikan Konvensyen Hak Kanak-Kanak itu.

Perkara 1 konvensyen itu menaektrifkan seseorang kanak-kanak sebagai "tiap-tiap manusia di bawah umur 18 tahun". Antara perkara penting dalam konvensyen itu ialah pengiktirafan terhadap hak golongan muda di bawah usia 18 tahun ke atas beberapa perkara asas iaitu hak untuk hidup, hak kepada pembangunan, hak untuk dilindungi daripada pengaruh merosakkan, penderaan dan eksploitasi, dan akhir sekali hak untuk bersama dengan keluarga, ke-

## Hak ibu bapa bimbing generasi muda jadi pemimpin masa depan

Perkara 5 konvensyen itu memperuntukkan bahawa "Negara-Negara Pihak hendaklah menghormati tanggungjawab, hak dan kewajipan ibu bapa, ahli keluarga atau komuniti seperti diperuntukkan adat tempatan, penjaga di sisi undang-undang buat orang lain yang bertanggungjawab di sisi undang-undang bagi kanak-kanak itu, untuk memperuntukkan mengikut cara yang selaras dengan keupayaan berkembang kanak-kanak itu, arah dan bimbingan sewajarnya dalam menjalankan hak yang diiktirafkan dalam konvensyen oleh kanak-kanak itu".

Jika dirujuk Perkara 5 itu, adalah dipersetujui bahawa ibu bapa atau penjaga mempunyai tugas dan tanggungjawab dalam pemeliharaan golongan bawah umur ini, dan ia harus dihormati oleh kerajaan sesebuah negara.

Namun, pada masa sama konvensyen ini melalui Perkara 19 menyatakan "Negara-Negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan yang sewajarnya untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk keanasan fizikal atau mental, kecederaan atau penderaan, pengabaian atau perlakuan cuai, penganiayaan atau eksploitasi, termasuk penderaan seksual, semasa dalam jagaan ibu bapa, penjaga di sisi undang-undang atau mana-mana orang yang menjaga kanak-kanak itu".

Perkara 19 ini menekankan pentingnya kerajaan sesebuah negara mengambil langkah perlu sama ada dalam bentuk perundangan, pentadbiran, langkah sosial serta ekonomi untuk melindungi golongan bawah umur daripada penderaan ataupun pengabaian oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

Undang-undang mengenai perlindungan terhadap kanak-kanak ataupun yang berada di bawah umur di Malaysia juga boleh dilihat seawal tahun 1947 dengan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wa-



Kanak-kanak aset negara masa hadapan.  
[GAMBAR HIASAN]



Peranan ibu bapa memberikan kehidupan yang baik kepada anak.

**“Kanak-kanak serta golongan remaja juga perlu diberi perlindungan kerana dalam keadaan tertentu, mereka mungkin terdedah kepada pelbagai bahaya sama ada mereka menjadi mangsa atau terbabit dengan perlakuan jenayah”**

## Akta Kanak-Kanak digubal lebih khusus, komprehensif

Namun, menyedari hakikat terdapat keperluan mengubah hala tuju konsep perlindungan terhadap golongan bawah umur ini dan juga mengakui perlunya pembaharuan dalam undang-undang sejajar perkembangan semasa, maka akta khusus dan komprehensif mengenai kanak-kanak telah digubal dan diluluskan iaitu Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002.

Tajuk panjang Akta 611 berbunyi: Suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkait-

nak-kanak dalam seksyen 2 sebagai: a) seseorang yang di bawah umur 18 tahun; dan b) berhubung dengan prosiding jenayah, seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah seperti ditetapkan dalam Seksyen 82 Kanun Keseksaan.

Justeru, Akta 611 terpakai kepada semua golongan berumur di bawah 18 tahun, selain daripada dalam sesuatu prosiding jenayah. Akta 611 merangkumi pelbagai isu penting mengenai kanak-kanak. Antaranya tanggungjawab ibu bapa atau penjaga dalam memelihara kesejahteraan kanak-kanak, tanggungjawab memaklumkan kes penderaan kanak-kanak, penubuhan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, prosedur perbicaraan, hukuman dan sebagainya.

Semua pihak mempunyai tanggungjawab dan tugas masing-masing sama ada dari segi moral atau undang-undang. Tidak dapat dinafikan ibu bapa atau penjaga mempunyai tugas dan tanggungjawab ke atas anak di bawah jagaan mereka.

Sejajar itu, peruntukan yang menegenakan tugas dan tanggungjawab undang-undang kepada ibu bapa atau penjaga telah diwujudkan dalam Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991, dan kemudian diperkemas dalam Akta 611.

Seksyen 31(1) Akta 611 contohnya memperuntukkan bahawa jika mana-mana orang yang mempunyai tugas pemeliharaan seorang kanak-kanak, menganiaya, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu atau menyebabkan atau membenarkan kanak-kanak itu dianiaya, diabai, dibuang atau didedah hingga mungkin menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi atau seksual, maka orang berkenaan melakukan kesalahan di bawah seksyen 31 Akta 611.

Akta 611 juga memperuntukkan bahawa ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu dianggap mengabaikan kanak-kanak itu jika tidak menyediakan kepada kanak-kanak berkenaan makanan, pakaian, rawatan perubatan atau pergigian, penginapan atau

kara itu.

Jika didapati bersalah di bawah seksyen 31 Akta 611, maka hukuman berat boleh dikenakan iaitu denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang meninggalkan kanak-kanak tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan atau pemeliharaan yang berpatutan untuk satu tempoh yang lama, atau meninggalkan kanak-kanak berkenaan dalam keadaan yang tidak berpatutan, boleh disabitkan juga dengan kesalahan di bawah seksyen 33 Akta 611 terbabit dan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

## Kanak-kanak, remaja aset negara

Apa yang pasti antara tujuan utama peruntukan seumpama ini dimasukkan supaya ibu bapa atau penjaga lebih bertanggungjawab dan mengambil berat keadaan anak mereka. Kanak-kanak serta golongan remaja adalah aset negara yang penting kerana kepada merekalah segala harapan dan cita-cita negara disandarkan selaku pemimpin pada masa hadapan.

Kanak-kanak serta golongan remaja juga perlu diberi perlindungan kerana dalam keadaan tertentu, mereka mungkin terdedah kepada pelbagai bahaya sama ada mereka menjadi mangsa atau terbabit dengan perlakuan jenayah.

Tidak dinafikan juga jenayah juvana ini boleh juga berpunca daripada pelbagai sudut. Semua pihak, sama ada remaja itu sendiri, ibu bapa, guru di sekolah, pensyarah di institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), masyarakat sekeliling dan pihak berkuasa harus berganding bahu sederap melangkah dan sebulat suara untuk mengurangkan serta membendung masalah jenayah juvana dalam negara kita.



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW